

Pencemaran 4 sungai di Selangor

Seri Paduka dukacita, mahu tindakan tegas

Hukuman lebih berat sebagai pengajaran

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menzahirkan rasa dukacita dengan kes pencemaran Sungai Gong, Rawang sehingga menyebabkan 1.2 juta akaun dan kira-kira lima juta pengguna di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

Al-Sultan Abdullah menyifatkan pencemaran Sungai Gong sebagai satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab kerana ia adalah kes pencemaran berulang dan membebankan serta memudaratkan jutaan rakyat di Kuala Lumpur dan Selangor.

Seri Paduka Baginda bertitah kemudaran ekoran daripada perbuatan tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja kepada kehidupan rakyat seharian, namun juga kepada sosioekonomi rakyat kerana banyak perniagaan terpaksa ditutup akibat gangguan bekalan air tidak berjadual itu.

"Al-Sultan Abdullah yang me-

ngikuti perkembangan sejak hari pertama gangguan bekalan air tidak berjadual ini amat prihatin terhadap keluh kesah dan beban rakyat mengharungi situasi itu.

"Seri Paduka Baginda menzahirkan rasa simpati kepada rakyat yang terpaksa beratur menunggu giliran dan bertungkus lumus mengambil air setiap kali gangguan bekalan berlaku," kata Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin dalam satu kenyataan, semalam.

Al-Sultan Abdullah bertitah de-

Kemudaran daripada perbuatan tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja kepada kehidupan seharian, tetapi juga sosioekonomi rakyat kerana banyak perniagaan terpaksa ditutup.

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

mikian ketika menerima menghadap Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man di Istana Negara.


Media sebelum ini melaporkan pihak berkuasa mengenal pasti sebuah premis sebagai punca pencemaran sehingga menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) di Sungai Selangor dihenti tugas.

Gangguan terbaharu bekalan air yang tidak berjadual itu bukan yang pertama diharungi oleh rakyat di Selangor dan Kuala Lumpur.

Situasi itu dialami penduduk Lembah Klang sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awal tahun.

Selain tindakan tegas, Al-Sultan Abdullah meminta pihak berkuasa khususnya Kementerian Alam Sekitar dan Air menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kes pencemaran sungai seumpama itu dapat dibendung dengan berkesan dan tidak berulang.

"Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan sokongan terhadap tindakan kerajaan negeri Selangor yang mengarahkan supaya pemilik premis yang menjadi punca pencemaran air merobohkan struktur bangunan kerana tanah persendirian yang dibangunkan sebagai premis penyelenggaraan



Al-Sultan Abdullah berkenan menerima menghadap Tuan Ibrahim di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

jentera berat itu didapati tidak mempunyai kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Kenyataan Istana Negara itu turut menyatakan bahawa Seri Paduka menzahirkan ucapan penghargaan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan agensi kerajaan berkaitan atas tindakan segera yang diambil bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan air kepada kawasan terjejas.

Sehubungan itu, Al-Sultan Ab-

dullah bertitah agar penjagaan alam sekitar diberi fokus oleh pihak berkuasa, khususnya dalam urusan tadbir pengurusan sungai dan aktiviti kesedaran dalam kalangan rakyat.

Pembentukan jati diri dan sa- yang kepada alam sekitar perlu didedahkan dengan memberi di- dikan awal kepada anak-anak dengan penganjuran aktiviti dan program amal pembersihan ka- wasan awam sebagai bentuk pe- ngajaran.